

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/2001**

**PENUBUHAN TABUNG AMANAH PERKUBURAN DAN PENYEDIAAN
TAPAK PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM**

1. **TUJUAN:**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah dan pelaksanaan keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 2 Mei, 2001 berhubung perkara berikut:-

- (a) Penubuhan Tabung Amanah Perkuburan; dan
- (b) Menerima pakai:-
 - (i) Dasar Tanah Perkuburan Bukan Islam, Tempat Pembakaran Mayat dan Penyimpanan Abu yang diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) seperti di Lampiran I;
 - (ii) Garis Panduan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia seperti di Lampiran II; dan
 - (iii) Garis Panduan Pembangunan Tanah Perkuburan Bukan Islam Secara Komersial oleh Sektor Swasta yang disediakan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian seperti di Lampiran III.

2. **LATAR BELAKANG:**

2.1. Tapak perkuburan merupakan salah satu kemudahan sosial yang perlu disediakan dan ia sama penting dengan keperluan sosial yang lain. Pengwujudan tapak-tapak perkuburan pada masa kini bergantung kepada keperluan, kedudukan serta kesesuaian kawasan yang dicadangkan. Ini berlaku kerana ketiadaan satu dasar atau peruntukan yang jelas sebagai panduan dalam membuat perancangan pembangunan tanah kubur yang teratur dan menepati keperluan. Di samping itu perancangan yang strategik perlu diwujudkan dan meletakkan tanggungjawab bersama penyediaan tapak-tapak kubur ke atas setiap pemaju atau pemilik tanah dan Kerajaan Negeri.

2.2. Untuk tujuan di atas Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah diminta mencadangkan penubuhan tabung amanah perkuburan mirip wang caruman perparitan dan garis panduan bagi pengendalian dan penyelenggaraan tapak perkuburan serta langkah menampung kekurangan tapak perkuburan yang berlaku masa kini. Dalam menangani masalah tersebut semua Pejabat Tanah Daerah telah diminta mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk diambil balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 sebagai tapak perkuburan. Kos pengambilan balik tanah akan dibiayai daripada tabung amanah perkuburan atau dibiayai oleh pemaju atau pemilik tanah yang berkenaan.

3. KAEDAH DAN FORMULA:

3.1. Pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan kawasan seluas 202.345 hektar (500 ekar) dan ke atas bagi pembangunan perumahan/kediaman atau pembangunan bercampur diwajibkan menyediakan tapak perkuburan (Islam dan Bukan Islam) dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara. Kiraan keluasan perkuburan yang disediakan seperti berikut:-

1 hektar (2.4345 ekar) = bagi 5,000 penduduk atau 1,000 unit/petak rumah kediaman (purata setiap isi rumah mengandungi 5 orang)

3.2. Sekiranya pemaju enggan atau keberatan menyediakan tapak perkuburan di kawasan pembangunan yang dilaksanakan, mereka dikehendaki membiayai kos pengambilan balik tanah di tapak lain mengikut keluasan yang sama sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.3. Pembangunan yang kurang daripada 202,345 hektar (500 ekar) pemaju atau pemilik tanah tidak diwajibkan menyediakan tapak kubur dalam kawasan pembangunan mereka. Mereka hanya wajib menyumbang ke dalam 'Tabung Amanah Perkuburan' mengikut formula berikut:

RM 123,552.50 bagi satu hektar, atau
RM 50,000.00 bagi satu ekar. } nilai minima harga pengambilan tanah pertanian

1 hektar (2.5 ekar) = kiraan 1000 unit/petak rumah kediaman

setiap 1,000 unit/petak rumah kediaman(2.5 ekar) = RM 125,000.00
(RM 50,000.00 X 2.5 ekar)

Sumbangan setiap rumah:

$\frac{125,000}{1000}$ = RM 125.00 setiap unit/petak rumah kediaman

50% disumbangkan oleh kerajaan = RM 62.50 setiap unit/petak rumah kediaman

50% disumbangkan oleh pemaju = RM 62.50 setiap unit/petak rumah kediaman

- 3.4. 50% daripada kadar caruman pemaju atau pemilik tanah ke atas tanah rizab Melayu (pegangan Melayu).
- 3.5. 35% daripada kadar caruman pemaju atau pemilik tanah ke atas projek perumahan yang mengandungi kompenan lebih 50% rumah kos rendah;
- 3.6. 10% daripada kadar caruman pemaju atau pemilik tanah ke atas tanah projek perumahan 100% rumah kos rendah.

4. **PELAKSANAAN**

- 4.1. Syarat caruman kubur hendaklah dimasukkan sebagai salah satu syarat tambahan kelulusan bagi pemberimilikan dan tukar syarat kegunaan tanah kepada bangunan kediaman dan pembangunan bercampur. Pemaju atau pemilik tanah yang memajukan tanah mereka sebagai kawasan industri tidak dikenakan caruman ini.
- 4.2. Pemaju atau pemilik tanah dikehendaki membayar caruman kubur secara sekali gus kepada Pentadbir Tanah Daerah dan caruman ini dikreditkan ke dalam **Akaun Amanah Perkuburan** yang diletakan di bawah Bendahari Negeri dan dikawal oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor.

- 4.3. Bayaran caruman kubur hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum pelan tatatur dan pra hitungan diperakui oleh Pihak Berkuasa Perancang.
- 4.4. Pentadbir Tanah dikehendaki mengendalikan rekod kutipan bayaran caruman kubur ini dan mengemukakan satu salinan penyata pemungut kepada Bendahari Negeri dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan memantau kutipan dan perbelanjaan melalui rekod yang diwujudkan bagi setiap Pejabat Tanah Daerah.
- 4.5. Semua kos pengambilan tanah atau penyediaan tapak perkuburan akan dibiayai terus melalui tabung akaun amanah ini dan urusan pembayaran berkaitan dengannya akan diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor.
- 4.6. Tapak ini akan diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara sebagai rizab kubur dan Pegawai Daerah akan dilantik sebagai Pegawai Pengawal. Manakala pengurusan dan penyenggaraannya di bawah kawalan pihak Berkuasa Tempatan dengan perkhidmatan 24 jam meliputi kubur Islam dan Bukan Islam.

5. **TARIKH KUATKUASA:**

Pekeliling ini pemakaiannya berkuat kuasa mulai 2 Mei, 2001.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

T.T
(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 19 Oktober 2001.

NHT/zu/(Pek.PTG – Pg.1/3)(25.7)